



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDIAAN GURU MELAKSANAKAN PENDIDIKAN ABAD KE-21



05-4506832



NORAZALUDIN AZMIL BIN RAZALY



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESEDIAAN GURU MELAKSANAKAN PENDIDIKAN ABAD KE-21

NORAZALUDIN AZMIL BIN RAZALY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2019



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap persepsi guru dalam kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan abad ke-21 (PAK21). Tahap kesediaan guru melaksanakan pendidikan abad ke-21 dilihat berdasarkan aspek pengetahuan guru tentang pembelajaran pendidikan abad ke-21, kemahiran menggunakan sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* dan sokongan pentadbir. Instrumen soal selidik dipilih sebagai medium untuk menjalankan kajian kuantitatif ini. Dalam kajian ini seramai 330 orang guru sekolah rendah dari daerah Kuala Selangor telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian ini. Berdasarkan keputusan kajian, didapati bahawa majoriti guru berpendapat meraka mempunyai pengetahuan yang tinggi tentang PAK21 ($M=3.71$, $sp=0.464$), kemahiran guru menggunakan sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* adalah tahap sederhana ($M=2.88$, $sp=0.704$). Bagi tahap sokongan pentadbir, guru bersetuju mereka mempunyai sokongan dari pentadbir ($M=3.86$, $sp=0.562$). Selain itu, guru juga berpendapat mereka bersedia melaksanakan pendidikan abad ke-21 ($M=3.88$, $sp=0.497$). Analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan guru dengan kesediaan guru melaksanakan PAK 21 ($r=0.660$), kemahiran guru menggunakan sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* dengan kesediaan guru melaksanakan PAK21 ($r=0.199$) dan sokongan pentadbir dengan kesediaan guru melaksanakan PAK21 dengan nilai korelasi ($r=0.389$). Kesimpulannya, dalam meningkatkan kesediaan guru untuk melaksanakan PAK21 faktor pengetahuan tentang PAK21 adalah aspek yang paling penting. Implikasi kajian mendapatkan, pihak Kementerian Pendidikan dan pentadbir sekolah perlu memperbanyak dan mempelbagaikan latihan bagi tujuan meningkatkan pengetahuan guru dalam PAK21.





TEACHER READINESS IN IMPLEMENTING 21ST CENTURY LEARNING

ABSTRACT

This study aimed to identify the perception level of teacher's readiness to implement 21st century learning (PAK21). The level of teacher's readiness to implement 21st century learning is based on teachers' knowledge in 21st century learning, skills in utilising the *VLE Frog* learning management system and administrative support. Questionnaire instruments was been chosen to carry out this quantitative study. In this study, 330 primary school teachers in Kuala Selangor district had been selected randomly as a sample for this study. Based on the results, it is found that the most of teachers have perception that they had substantial knowledge regarding the 21st century learning ($M=3.71$, $sd=0.464$) whereas the teachers' skills in utilising the *VLE Frog* learning management system was in moderate ($M=2.88$, $sd=0.704$). In terms of the administrative support, most of them agreed that they have been receiving support from the administration ($M=3.86$, $sd=0.562$). Besides that, most of the teachers are ready to implement 21st century learning ($M=3.88$, $sd=0.497$). The correlation analysis indicated a positive and significant relationship between teacher's knowledge and teacher's readiness in implementing 21st century learning ($r=0.660$), teacher's skills in implementing the *VLE Frog* learning management system and teacher's readiness in implementing 21st century learning ($r=0.199$), administrative support with teacher readiness in implementing 21st century learning ($r=0.389$). In conclusion, in order to increase the readiness of teacher in implementing 21st century learning, teachers' knowledge of 21st century learning was the most important aspect to cater. This further implied that the Ministry of Education and the school's administration should conduct various form of training to improve the teacher's knowledge of 21st century learning.





PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan keizinan Allah SWT saya berjaya menyiapkan penulisan disertasi walaupun menempuh banyak cabaran. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada Prof. Madya Dr Noraini Binti Mohamed Noh atas segala nasihat, galakan, semangat dan perkongsian ilmu kepakaran yang dikongsikan sepanjang proses pembelajaran. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah yang pernah mengajar dan membimbing saya sehingga tamat pengajian. Buat ahli keluarga terutamanya abah, Razaly Bin Othman dan emak Norsiah Binti Mansor terima kasih kerana banyak membantu dari segi kewangan dan doa yang tidak putus untuk anaknya berjaya. Untuk isteri tercinta Sayyidatul Maziah yang menjadi tulang belakang, anak-anak dan keluarga mertua terima kasih atas sokongan dan pengorbanan terutamanya berkaitan masa dan tenaga dalam membantu saya menyiapkan penulisan disertasi ini. Akhir sekali kepada semua individu yang membantu secara langsung dan tidak langsung sepanjang proses pengajian hanya Allah sahaja yang mampu membalas pertolongan anda. Kepada semua pengkaji semoga Allah membuka jalan dan rezeki kita semua untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv



BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Pendedahan Guru Terhadap PAK21	4
1.2.2 Pengenalan Teknologi Dalam Pembelajaran	5
1.2.3 Sokongan Pentadbir Terhadap Pdp Abad Ke-21	7
1.3 Penyataan Masalah	8
1.4 Tujuan Kajian	12
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Persoalan Kajian	14





1.7 Hipotesis Kajian	15
1.8 Kerangka Konseptual	16
1.9 Kepentingan Kajian	17
1.10 Batasan Kajian	18
1.11 Definisi Secara Operasi	19
1.12 Kesimpulan	21

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	22
2.2 Teori Pembelajaran	23
2.2.1 Teori Penyebaran Inovasi	23
2.2.2 Model Penerimaan Teknologi	27
2.2.3 Model UTAAUT	28
2.3 Strategi Pembelajaran Abad Ke-21	31
2.3 Guru dan Pendidikan Abad Ke-21	33
2.4 Perkembangan Teknologi Instruksional di Malaysia	37
2.6 Kajian Lepas Yang Berkaitan	41
2.6.1 Kajian Tentang Pengetahuan Guru	41
2.6.2 Kajian Tentang Persekutuan Maya	44
2.6.3 Kajian Tentang Sokongan Pentadbir	47
2.7 Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPMg2)	49
2.8 Kesimpulan	50





BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	51
3.2 Reka Bentuk Kajian	52
3.3 Populasi Kajian	54
3.4 Sampel Kajian	56
3.5 Instrumen Kajian	57
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan	63
3.7 Prosedur Kajian	66
3.8 Kaedah Analisis Data	67
3.9 Kesimpulan	73

BAB 4 Dapatan Kajian

4.1 Pengenalan	74
4.2 Profil Sampel	75
4.3 Analisis Persoalan Kajian 1	78
4.4 Analisis Persoalan Kajian 2	81
4.5 Analisis Persoalan Kajian 3	84
4.6 Analisis Persoalan Kajian 4	87
4.7 Analisis Persoalan Kajian 5	90
4.8 Kesimpulan	93

BAB 5 Rumusan

5.1 Pengenalan	94
5.2 Ringkasan Keseluruhan Kajian	95
5.3 Rumusan Dapatan Kajian	97
5.3.1 Rumusan Demografi Responden	97





5.3.2 Rumusan Pengetahuan Guru Terhadap PAK21	98
5.3.3 Rumusan Kemahiran Penggunaan Sistem Pengurusan Pembelajaran <i>VLE Frog</i>	101
5.3.4 Rumusan Sokongan Pentadbir Dalam Pelaksanaan PAK21	104
5.3.5 Rumusan Kesediaan Guru Melaksanakan PAK21	107
5.3.6 Pengetahuan Guru dan Hubungannya dengan Kesediaan Guru Untuk Melaksanakan PAK21	109
5.3.7 Kemahiran Guru Dalam Sistem Pengurusan Pembelajaran <i>VLE Frog</i> dan Hubungannya dengan Kesediaan Guru Melaksanakan PAK21	112
5.3.8 Sokongan Pentadbir dan Hubungannya dengan Kesediaan Guru Untuk Melaksanakan PAK21	113
5.4 Implikasi Kajian	115
5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	117
5.6 Kesimpulan	119
RUJUKAN	120
LAMPIRAN SOAL SELIDIK	126





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka surat
3.1 Reka Bentuk Kajian	53
3.2 Populasi Guru di Selangor	55
3.3 Kandungan Instrumen Kajian	58
3.4 Contoh Instrumen Soal Selidik Bahagian B	60
3.5 Contoh Instrumen Soal Selidik Bahagian C	61
3.6 Contoh Instrumen Soal Selidik Bahagian D	62
3.7 Contoh Instrumen Soal Selidik Bahagian E	63
3.8 Pekali Cronbach Alpha	65
3.9 Nilai Kebolehpercayaan Cronbach Alpha	65
3.10 Interpretasi Skor Min Tahap Pengetahuan Guru	68
3.11 Interpretasi Skor Min Bagi Tahap Kemahiran Sistem Pengurusan Pembelajaran	68
3.12 Interpretasi Bagi Tahap Sokongan Pentadbir	69
3.13 Interpretasi Skor Min Bagi Kesediaan Guru Melaksanakan Pendidikan Abad Ke-21	70
3.14 Interpretasi Korelasi	71
3.15 Skala Pekali Korelasi	72
4.1 Taburan Jantina	74
4.2 Umur Responden	75
4.3 Pengalaman Mengajar	76
4.4 Lokasi Sekolah	78
4.5 Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Pengetahuan Guru	79
4.6 Frekuensi dan Peratusan Keseluruhan Aspek Pengetahuan Guru	80
4.7 Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Kemahiran Sistem Pengurusan Pembelajaran	82
4.8 Frekuensi dan Peratusan Keseluruhan Aspek Kemahiran Sistem Pengurusan Pembelajaran	83
4.9 Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Sokongan Pentadbir	85





4.10	Frekuensi dan Peratusan Keseluruhan Aspek Sokongan Pentadbir	86
4.11	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Kesediaan Guru	88
4.12	Frekuensi Dan Peratusan Keseluruhan Aspek Kesediaan Guru	89
4.13	Analisis Korelasi Pearson Antara Pengetahuan Guru dengan Kesediaan Melaksanakan Pendidikan Abad Ke-21	90
4.14	Analisis Korelasi Pearson Antara Kemahiran Sistem Pengurusan Pembelajaran dan Kesediaan Melaksanakan Pendidikan Abad Ke-21	91
4.15	Analisis Korelasi Pearson Antara Sokongan Pentadbir dan Kesediaan Melaksanakan Pendidikan Abad Ke-21	92





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xiii

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual	16



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
ICT	<i>Information Comunication Technology</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PAK21	Pendidikan Abad Ke-21
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PKG	Pusat Kegiatan Guru
PLC	<i>Profesional Learning Community</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SJK	Sekolah Jenis Kebangsaan
SK	Sekolah Kebangsaan
SKPMg2	Standard Kualiti Guru Malaysia
VLE	<i>Virtual Learning Enviroment</i>





BAB 1

PENDAHULUAN



Pada abad ke-21 negara berhadapan dengan pelbagai cabaran era globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi. *Talent Corp Malaysia (2014)* mendapati lebih 80% majikan mengklasifikasikan masalah berkomunikasi sebagai masalah utama di kalangan pelajar manakala menurut *Job Street Malaysia (2015)* lebih 70% majikan kecewa dengan kualiti tenaga kerja. Oleh yang demikian suatu perubahan perlu dilakukan dalam sistem pendidikan di negara kita bagi memastikan pelajar yang dihasilkan menepati kehendak pasaran pekerjaan. Bertitik tolak dari perkara ini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) bagi menyediakan pelajar untuk menghadapi perubahan dalam dunia pendidikan dan salah satu elemen yang diperkenalkan dalam PPPM 2013-2025 adalah pendidikan





abad ke-21. Pendidikan abad ke-21 merupakan suatu transformasi dalam dunia pendidikan, iaitu dari kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara konvensional seperti *chalk and talk* kepada kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan yang lebih dinamik dan kreatif dengan kandungan pembelajaran yang relevan dengan tuntutan globalisasi. Amalan pendidikan abad ke-21 ini diterangkan oleh KPM melalui *One Page Management Tool* (OPMT) Naratif Baru Amalan Pendidikan 2019 yang menekankan kemahiran pedagogi pendidikan abad ke-21 sebagai salah satu aspek perubahan pedagogi yang perlu dilakukan oleh setiap guru di Malaysia.

Pembelajaran dalam pendidikan abad ke-21 merupakan satu set kemahiran yang diperlukan untuk murid bersaing di era global. Menggabungkan kemahiran abad ke-21 dengan kandungan kurikulum menjadi salah satu cara untuk murid mahir dan menguasai konsep. Mulai tahun 2017, dalam gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), KPM telah mewujudkan Program Transformasi Sekolah (TS25) di mana menjelang tahun 2025 semua sekolah di Malaysia mengamalkan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 (KPM,2017). Di samping itu, dasar-dasar sedia ada seperti dasar memperkasakan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran dan pengajaran bagi membangunkan modal insan berteraskan kemahiran abad ke-21 adalah perlu diteruskan (Dasar Pendidikan Kebangsaan, 2012). Pelaksanaan pengajaran berdasarkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menjadi penanda aras keberkesanan pendidikan abad ke-21. Menggabung jalinkan kemahiran abad ke-21 dengan kandungan sukatan kurikulum menjadi salah satu cara untuk murid mahir dan





menguasai konsep yang dipelajari (*Partnership for 21st Century Skills*, 2010).

Melalui penerapan pendidikan abad ke-21 dapat melahirkan pelajar yang dapat berdaya saing bagi pasaran kerjaya yang semakin mencabar.

1.2 Latar Belakang Kajian

Tuntutan industri memerlukan pekerja yang berkemahiran abad ke-21 yang memerlukan tenaga kerja yang berfikiran kreatif, boleh berkolaborasi secara berkesan, mampu berinovasi dan mahir berkomunikasi (Friedman, 2006). Di sebabkan ini sistem pembelajaran juga perlu berupaya untuk menghasilkan pelajar yang mempunyai pemikiran kritis, mempunyai kemahiran menyelesaikan masalah,

mampu berkomunikasi, berkolaborasi dan mempunyai kreativiti dan inovasi.

Pembangunan modal insan yang berkualiti merupakan kayu ukur ke arah pembangunan negara maju. Oleh yang demikian, semua guru perlu mengambil tanggungjawab dan menjalankan amanah bagi merealisasikan program transformasi pendidikan negara seperti yang dihasratkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Setiap guru di Malaysia perlu mempunyai pengetahuan, kualiti dan melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran abad ke-21 dalam melaksanakan pengajaran dengan berkesan. Usaha-usaha ini memerlukan pengorbanan dan komitmen yang tidak sedikit dan sebagai guru yang komited, segala kepayahan dan cabaran akan terbayar jika anak didiknya mampu dibentuk dan berjaya dalam pelajaran dan kehidupan.





1.2.1 Pendedahan Pengetahuan Guru Terhadap Pendidikan Abad Ke-21

Guru merupakan agen perubahan yang penting bagi memastikan keberkesanan sistem pendidikan (Sparks, 2003). Bagi meningkatkan profesionalisme penjawat awam khususnya guru, pihak KPM telah mewajibkan semua guru untuk menjalani latihan semasa dalam perkhidmatan dengan bilangan minima berkursus tujuh hari setahun. (Pekeliling Perkhidmatan, 2005). KPM juga telah menerbitkan pelbagai buku, buku elektronik, garis panduan pelaksanaan dan modul pengajaran menggunakan ICT yang boleh dimuat turun daripada laman web Bahagian Pendidikan Guru.

Selain itu KPM juga telah mewujudkan Pusat Kegiatan Guru (PKG) di bawah urus selia Bahagian Teknologi Pendidikan bagi memberi bantuan teknikal dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mengintegrasikan teknologi dalam sesi PdP guru di dalam kelas. Manakala bagi meningkatkan pengetahuan dan kompetansi guru dari sudut pedagogi pula KPM telah mewujudkan program sokongan dengan mewujudkan penjawatan *School Improvement School Coaches* (SISC+) sebagai rakan elit pakar pembimbing peningkatan sekolah di bawah inisiatif program NKRA bagi membimbing guru dalam melaksanakan PdP pendidikan abad ke-21 (PIPM 2011-2015).

Di peringkat sekolah pula setiap sekolah perlu mempunyai seorang wakil guru yang berperanan sebagai jurulatih utama sekolah untuk memberikan latihan dalam perkhidmatan (LADAP) kepada guru-guru di sekolah berkaitan perkara baharu atau maklumat yang diterima dari latihan yang dianjurkan di peringkat





daerah. Di peringkat Bahagian Pendidikan Guru (BPK), semua guru pelatih diwajibkan mengambil subjek seperti asas teknologi maklumat dan kursus berkaitan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi selain kursus wajib ilmu pendidikan yang merupakan subjek wajib lulus bagi memberi pendedahan kepada bakal guru tentang kaedah mengintegrasikan teknologi dan menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam PdP yang berlaku dalam kelas. Justeru itu guru sepatutnya telah mempunyai latihan profesionalisme yang mencukupi bagi membolehkan guru mempunyai pengetahuan tentang kaedah pelaksanaan pembelajaran abad ke-21.

1.2.2 Pengenalan Teknologi Dalam Pembelajaran di Sekolah



Dunia pendidikan hari ini dipengaruhi oleh teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Pengintegrasian teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) merupakan satu elemen dalam pembudayaan pembelajaran abad ke-21 (NCES,2011). Di Malaysia satu sistem pengurusan pembelajaran yang dikenali sebagai *VLE Frog* telah diperkenalkan pada tahun 2012. Sistem *VLE Frog* merupakan medium yang berperanan sebagai sistem pengurusan pembelajaran secara dalam talian yang diperkenalkan secara meluas di semua sekolah kerajaan bagi tujuan untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan merapatkan jurang komunikasi di antara guru dan murid.

Bagaimanapun sebelum pengenalan sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* di sekolah terdapat pelbagai transformasi teknologi dalam pendidikan yang telah dilakukan oleh kerajaan dalam usaha meningkatkan pengintegrasian





penggunaan teknologi ICT dalam sesi pembelajaran (Ismail, 2016). Pada tahun 2003, KPM telah mengeluarkan surat pekeliling iktisas bil 6/2003 yang meminta pentadbir memantau pengintegrasikan teknologi dalam pendidikan oleh guru dan guru perlu mencatatkan penggunaan pengintegrasian teknologi dalam rancangan pembelajaran mereka.

Sebelum pengenalan *VLE Frog* terdapat beberapa program yang telah diperkenalkan oleh kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara kita dan sehingga kini terdapat beberapa projek yang tidak mendapat sambutan dan tidak diteruskan lagi (Mohd Ismail, 2016). Senarai projek dan inisiatif yang diperkenalkan oleh kerajaan adalah seperti berikut:



- ii. Pembestarian Sekolah (2006)
- iii. Program SchoolNet
- iv. Perisian Pembelajaran Interaktif (2000)
- v. Pusat Akses Sekolah (2006)
- vi. EduwebTV (2008)
- vii. Program iThink (2012)
- viii. Virtual Learning Environment Frog (2012)





1.2.3 Sokongan Pentadbir Terhadap PdP Abad Ke-21

Pucuk kepimpinan pentadbiran di sekolah melambangkan satu kedudukan yang strategik di peringkat sekolah dalam Sistem Pendidikan Negara (Muhyiddin Mohd Yasin, 2009). Di peringkat sekolah, pentadbir merupakan nadi kepada pelaksanaan dasar dan program yang diperkenalkan oleh kerajaan. Pentadbir di sekolah ialah individu yang bertanggungjawab penuh untuk membuat pemantauan dan penilaian ke atas pengajaran guru di sekolah selain memastikan guru dan pelajar memanfaatkan pelbagai teknologi yang dibekalkan kepada sekolah (Ismail, 2016).

Dalam konteks pembelajaran abad ke-21, pentadbir di sekolah berperanan sebagai pemangkin dan penggerak utama dalam transformasi pendidikan. Pentadbir di sekolah perlu memberi sokongan berterusan kepada guru untuk melaksanakan pendidikan abad ke-21 secara konsisten. Pemimpin sekolah berperanan penting dalam memastikan berlakunya pembangunan berterusan di kalangan guru (*sustainable development*) di sekolah selari dengan reformasi pendidikan yang ditetapkan melalui pengenalan akta-akta pendidikan berkaitan sesebuah negara (Azlan & Rozita, 2015).

Sokongan yang diberikan pentadbir bukan sahaja dari segi penyaluran sumber kewangan bagi mendapatkan kemudahan teknologi tetapi juga dalam mengubah lanskap persekitaran sekolah serta budaya di sekolah ke arah pembudayaan persekitaran pembelajaran abad ke-21 melalui penyediaan guru dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian dengan kehendak





pendidikan abad ke-21 kerana secara realitinya terdapat segelintir guru yang berasa bimbang dan tidak yakin untuk menginterasikan teknologi dalam sesi pembelajaran kerana merasakan pengintegrasian teknologi akan merencatkan pelaksanaan sesi pengajaran mereka (Ismail,2016).

1.3 Penyataan Masalah

Walaupun semua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyedari perubahan dan tuntutan ke arah pendidikan yang global, pelaksanaannya masih belum jelas dari segi penerimaan program dan amalan di sekolah terhadap pendidikan abad ke-21. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh KPM dalam membangunkan sistem pendidikan di negara kita antaranya adalah memperkenalkan pengintegrasian ICT dalam sesi pembelajaran seperti sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog*. Menurut laporan kewangan PPPM (2013-2025), Kementerian Pendidikan Malaysia telah membelanjakan lebih 6 billion untuk bagi tujuan pembangunan ICT. Namun kajian yang dijalankan oleh KPM (2017) berkaitan penarafan *Smart School Qualification Program* (SSQS) mendapati skor bagi penggunaan sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* berada pada tahap rendah dengan nilai min = 1.97.

Bagaimanapun dapatan ini adalah bertentangan dengan kajian impak inisiatif 1 Bestarinet yang mendapati bahawa pengetahuan guru tentang penggunaan sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* berada pada tahap yang tinggi tetapi tidak menggunakan sistem tersebut. Dalam kajian yang sama juga





mendapati bahawa tahap pengetahuan literasi digital guru dan kemahiran guru dalam mengintegrasikan teknologi dalam PdP berada pada tahap sederhana.

Generasi muda pada masa kini telah terdedah dengan pelbagai medium elektronik dan gadget yang menyebabkan mereka mempunyai minat terhadap penerokaan dan perasaan ingin tahu yang tinggi. Guru seharusnya menggunakan kesempatan ini bagi mengintegrasikan teknologi di dalam sesi pembelajaran bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menarik dengan mengaplikasikan kepelbagaiannya penggunaan ICT dengan secara optimum. Ketidakupayaan guru dalam menggunakan dan mengintegrasikan elemen multimedia seperti penggunaan teks, audio atau grafik seperti yang terdapat dalam sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* merupakan satu halangan kepada guru untuk melaksanakan PdP abad ke-21. Dapatkan data dari penarafan SSQS (2017) juga menunjukkan bahawa penggunaan sistem pengurusan pembelajaran berada pada tahap yang rendah walaupun guru menunjukkan kompetensi yang tinggi dalam kemahiran sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog*. Implikasi dari sesi pembelajaran yang tidak menarik ini akan membawa kepada masalah yang lebih serius seperti pelajar membuat bising sehingga merencatkan sesi pembelajaran, mengabaikan pelajaran dan ponteng kelas akan berlaku jika tidak ditangani dari awal (Syed Ismail & Ahmad Subki, 2012).

Bagi meningkatkan kualiti kepimpinan di sekolah semua bakal pengetua dan guru besar perlu mengikuti kursus wajib Program Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL). Laporan dari PADU (2017) menunjukkan seramai 1572 orang bakal pentadbir telah mengikuti kursus NPQEL dan 79% dari jumlah keseluruhan peserta mendapat keputusan yang cemerlang.





Ketiadaan sokongan dari barisan pentadbir dalam pelaksanaan PdP abad ke-21 mungkin merupakan antara faktor utama yang boleh menyumbang kepada ketidakbolehlaksanaan PdP abad ke-21 di sekolah. Data dari SSQS (2017) menunjukkan dalam kluster kepimpinan berwawasan terdapat 3978 sekolah yang mendapat penarafan dua bintang, 4381 sekolah mendapat 3 bintang, 1472 sekolah mendapat 4 bintang dan 333 sekolah mendapat penarafan 5 bintang. Manakala bagi kluster kepimpinan berwawasan dalam pelan pelan strategik pembestarian sekolah juga berada pada tahap rendah (SSQS,2017). Seorang pemimpin pendidikan seharusnya mempunyai kesedaran tentang wujudnya sesusatu inovasi, memahami akan kepentingan pendidikan fungsi dan potensi inovasi yang akan dibawa ke organisasi pendidikan (Ku, 2015). Selain itu, Salehi(2012) dalam kajiannya mendapati faktor yang menyebabkan guru tidak berminat untuk menggunakan ICT dalam pembelajaran ialah disebabkan kekurangan sokongan teknikal, serta kemudahan akses yang terhad menghalang penggunaan ICT di dalam kelas. Hal ini terjadi berikutan tiada sokongan dari pentadbir. Terdapat juga guru yang tidak yakin mengintegrasikan teknologi dalam pembelajaran kerana pentadbir sekolah tidak memberi sokongan dan galakan sehingga guru merasakan pengunaan aplikasi teknologi akan menggunakan banyak masa dalam PdP (Ismail,2016).

Dalam pembelajaran di sekolah pada masa kini perlu lebih menjerumus kepada pembelajaran berpusatkan pelajar. Peranan guru bertindak sebagai pemudah cara atau fasilitator kepada pelajar (Noraini & Halim, 2017). Menurut laporan eksekutif yang dikeluarkan oleh *Perfomace and Development Unit* (PADU) pada tahun sehingga tahun 2017 seramai 4243 orang pentadbir dan



207388 guru telah menamatkan kursus kemahiran berfikir I-Think yang merupakan sebahagian dari kursus sokongan bagi membantu guru untuk memupuk Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam kalangan murid melalui kaedah peta konsep yang membantu murid berfikir. Namun kajian yang dijalankan oleh Kassim dan Zakaria (2015) mendapati bahawa hanya sebahagian guru bersedia untuk melaksanakan pengajaran melalui pengintegrasikan KBAT.

Dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21, dua aspek utama yang guru perlukan iaitu pengetahuan dan kemahiran tentang bagaimana menjalankan pendidikan gaya abad ke-21. Sekiranya guru tidak mempunyai pengetahuan dan pendedahan tentang gaya pembelajaran abad ke-21 yang mencukupi maka matlamat untuk melahirkan murid yang berkemahiran abad ke-21 sukar untuk dicapai. Faktor seperti kurangnya pendedahan tentang pengetahuan dan latihan kemahiran dalam amalan pembelajaran abad ke-21 mungkin menjadi punca kegagalan kepada pelaksanaan PdP pendidikan abad ke-21.

Persoalannya, apakah faktor sebenar yang menjadi penyumbang dalam kesediaan guru dalam mengaplikasikan PdP pendidikan abad ke-21. Oleh hal yang demikian, pengkaji berminat untuk mengetahui tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada kesediaan guru untuk melaksanakan PdP abad ke-21 berdasarkan aspek faktor pengetahuan guru terhadap pendidikan abad ke-21, faktor kemahiran menggunakan sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* dan faktor sokongan pentadbir terhadap kesediaan guru melaksanakan pendidikan abad ke-21.



1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui tahap kesediaan guru dalam melaksanakan pendidikan abad ke-21 berdasarkan faktor-faktor yang dikenal pasti oleh penyelidik iaitu kesediaan guru dari aspek tahap pengetahuan guru, kemahiran menggunakan sistem pengurusan pembelajaran dan sokongan pentadbir dalam pelaksanaan pendidikan abad ke-21. Selain itu pengkaji juga berminat untuk menilai hubungan antara ketiga-tiga faktor yang dipilih dengan kesediaan guru untuk melaksanakan pendidikan abad ke-21.





1.5 Objektif Kajian

Dalam kajian ini faktor-faktor berikut telah dipilih sebagai faktor yang menyumbang kepada kesediaan pelaksanaan PdP pendidikan abad ke-21. Objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Mengenal pasti tahap pengetahuan guru terhadap proses PdP pendidikan abad ke-21
2. Mengenal pasti tahap kemahiran guru menggunakan sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* dalam pelaksanaan PdP pendidikan abad ke-21.
3. Mengenal pasti tahap sokongan pentadbir dalam pelaksanaan PdP pendidikan abad ke-21.
4. Mengenal pasti tahap kesediaan penggunaan PdP pendidikan abad ke-21 dalam kalangan guru.
5. Menentukan sama ada terdapat hubungan signifikan antara pengetahuan guru, kemahiran menggunakan sistem pengurusan pembelajaran dan sokongan pentadbir dalam kesediaan guru melaksanakan pendidikan abad ke-21.





1.6 Persoalan Kajian

Dapatan dalam kajian ini menjawab persoalan seperti berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan PdP kelas abad ke-21 dalam kalangan guru?
2. Apakah tahap kemahiran penggunaan sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* dalam pelaksanaan PdP kelas abad ke-21?
3. Apakah tahap sokongan pentadbir dalam penggunaan PdP pendidikan abad ke-21?
4. Apakah tahap penggunaan PdP abad ke-21 dalam kalangan guru?
5. Adakah terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengetahuan guru, kemahiran menggunakan sistem pengurusan pembelajaran dan sokongan pentadbir kesediaan guru melaksanakan pendidikan kelas abad ke-21?





1.7 Hipotesis Kajian


Hipotesis adalah saranan sementara bagi menjelaskan fenomena yang dikaji atau saranan sementara sebagai penyelesaian masalah (Konting, 2005). Dalam kajian ini, pengkaji mencadangkan beberapa hipotesis untuk diuji. Berdasarkan kepada tujuan dan persoalan kajian pengkaji mencadangkan hipotesis berikut:

- H₁.** Terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan guru tentang pendidikan abad ke-21 dengan kesediaan penggunaan PdP kelas abad ke-21.
- H₂.** Terdapat hubungan yang signifikan terhadap antara sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* dengan penggunaan PdP kelas abad ke-21.
- H₃.** Terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan pentadbir sekolah dengan kesediaan penggunaan PdP kelas abad ke-21.



1.8 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual diterangkan seperti dalam rajah 1.1. Dalam rajah 1.1 menerangkan bagaimana perkaitan di antara pemboleh ubah bersandar iaitu (1) pengetahuan tentang PdP pendidikan abad ke-21, (2) kemahiran penggunaan sistem pengurusan pembelajaran dan (3) sokongan pentadbir dalam pelaksanaan PdP terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu kesediaan guru dalam melaksanakan PdP abad ke-21.



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Kajian



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah untuk mengetahui kesediaan guru untuk melaksanakan pembelajaran pendidikan abad ke-21. Melalui dapatan kajian ini, dapat diketahui adakah faktor tahap pengetahuan guru dalam pedagogi pendidikan abad ke-21, faktor tahap kemahiran dalam penggunaan aplikasi sistem pengurusan pembelajaran *VLE Frog* dan faktor tahap sokongan pentadbir memberi pengaruh kepada tingkahlaku guru dalam pelaksanaan PdP abad ke-21. Selain itu hasil kajian ini boleh memberi maklumat kepada pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Bahagian Teknologi Pendidikan, Bahagian Pembangunan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Guru dan Pejabat Pendidikan Daerah untuk memperoleh input mengenai kesediaan guru dalam melaksanakan



Pelaksanaan pendidikan abad ke-21 ini sememangnya mempunyai banyak kepentingan terutama dalam berkaitan cara pembelajaran pelajar yang lebih berpusat murid membantu kepada perkembangan pelajar secara keseluruhannya. Pendidikan abad ke-21 merupakan satu dasar transformasi dalam bidang pendidikan di Malaysia bagi meningkatkan kualiti pendidikan sedia ada ke arah sistem pendidikan adalah yang lebih fleksibel, kreatif, mencabar dan global.

Selain itu kajian ini juga dapat memberi gambaran tentang kecukupan latihan yang diterima guru dalam pelaksanaan pedagogi pendidikan abad ke-21 khususnya latihan yang diterima di sekolah serta sokongan pentadbir terhadap pelaksanaan pendidikan abad ke-21 dari sudut pandangan guru. Di samping itu,





kajian ini juga diharap dapat menambah sumber rujukan berkaitan keberkesanan PdP pendidikan abad ke-21 berikutan kajian tentang pendidikan abad ke-21 masih kurang dilakukan di negara kita.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan satu kajian tinjauan yang hanya terbatas di sekolah rendah dalam daerah Kuala Selangor sahaja. Kajian ini hanya melaporkan kepada dapatan yang diperoleh dari soal selidik yang dijawab oleh guru sebagai responden. Dalam kajian ini, pengkaji tidak terlibat secara langsung dengan sesi pembelajaran dalam kelas. Dapatan data yang diperolehi merupakan tahap persepsi guru berdasarkan intrumen kajian yang diadaptasi dari beberapa kajian sebelumnya.



Hasil dapatan kajian adalah berdasarkan instrumen soal selidik yang menggunakan skala likert dengan nilai skala bermula dari satu hingga lima. Oleh itu hasil dapatan kajian adalah bergantung kepada kerjasama dan kejujuran jawapan responden terhadap item-item soal selidik yang diukur berdasarkan skala likert yang ditetapkan oleh pengkaji. Oleh yang demikian dapatan kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada kawasan yang lain.





1.11 Definisi Secara Operasi

Bahagian ini menerangkan tentang definisi dari sudut bahasa dan tafsiran terma mengenai tindakan dalam kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji.

1.11.1 Pengetahuan Guru

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) pengetahuan bermaksud maklum dan faham tentang perkara sebenar. Dalam kajian ini, pengetahuan guru tentang kemahiran abad ke-21 merujuk kepada pengetahuan guru dalam menguasai subjek, memahami gaya pendidikan abad ke-21 dan memahami cara melaksanakan gaya pembelajaran abad ke-21.



1.11.2 Sistem Pengurusan Pembelajaran

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sistem pengurusan merujuk kepada kaedah melakukan sesuatu secara teratur. Dalam kajian ini sistem pengurusan pembelajaran merujuk kepada aplikasi sistem *VLE Frog*. Sistem Pengurusan Pembelajaran *VLE Frog* merupakan satu platform pengurusan pembelajaran yang berteraskan *cloud* yang boleh di akses oleh guru dan murid walaupun berada luar dari kawasan sekolah. Melalui laman sesawang Sistem Pengurusan Pembelajaran *VLE Frog* membolehkan pelajar melakukan tugas secara dalam talian, mencari maklumat, memperoleh nota pembelajaran dan berinteraksi secara dalam talian sama ada dengan guru dan juga rakan sekelas.





1.11.3 Sokongan Pentadbir

Dari segi bahasa, sokongan bermaksud galakan dan pentadbir merujuk kepada guru besar, penolong kanan di sekolah yang di pilih. Dalam kajian ini sokongan pentadbir dapat merujuk kepada galakan, motivasi dan bantuan dari pentadbir dalam melaksanakan pendidikan abad-21 di sekolah.

1.11.4 Kesediaan Melaksanakan Pendidikan Abad Ke-21

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) kesediaan bermaksud menguasai sesuatu perkara. Dalam kajian ini kesediaan guru merujuk kepada kebolehan dan kompetensi guru untuk mengaplikasikan pendidikan abad ke-21 dengan melaksanakan pembelajaran berpusatkan murid serta mengintegrasikan penggunaan ICT serta mengamalkan gaya pembelajaran abad ke-21. Ciri-ciri Pendidikan abad ke-21 adalah berteraskan penekanan kepada kemahiran komunikasi, pembelajaran secara kolaboratif, pemikiran kreativiti, pemikiran kritis dan nilai (4K1N).





1.12 Kesimpulan

Bab 1 telah menjelaskan keseluruhan perkara berkaitan latar belakang kajian sebagai panduan kepada penyelidikan yang dijalankan. Isu dan cabaran berkaitan pendidikan kelas abad ke-21, penyataan masalah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi secara operasi. Melalui penyataan masalah yang dinyatakan terdapat kewujudan ruang yang boleh dikaji oleh pengkaji.

